



PERBADANAN ASET KERETAPI
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

KENYATAAN TENDER

TARIKH: 6 MAC 2026

Tawaran tender ini dipelawa daripada syarikat/ kontraktor yang mempunyai Sijil Akaan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan (MOF) di bawah kod bidang berkaitan dan masih sah semasa membuat tawaran tender perkhidmatan seperti berikut:

BUTIRAN TAWARAN	SYARAT KELAYAKAN	HARGA DOKUMEN	TARIKH DOKUMEN TENDER BOLEH DIBELI DAN DIMUAT TURUN	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TENDER DITUTUP
NO. TENDER: RAC.BP-A/02/26 TENDER PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN BERJADUAL DAN TIDAK BERJADUAL, PEMBAIKAN DAN ROMBAK RAWAT TAHAP 1 DAN TAHAP 2 BAGI ELECTRIC TRAIN SET (ETS) MELIBATKAN SEPULUH (10) UNIT KELAS 93/1, SEMBILAN (9) UNIT KELAS 93/2 DAN SEPULUH (10) UNIT KELAS 94 UNTUK TEMPOH 24 BULAN	STATUS: TERBUKA KOD BIDANG MOF: 110401: ATAU 110403: ATAU 220111	Harga Dokumen: RM1500.00 (Tidak akan dikembalikan) Pembelian dalam talian melalui sistem Tender Wizard RAC	18 Mac 2026 (Rabu) Sehingga 13 April 2026 (Isnin) Memuat turun dokumen di dalam sistem Tender Wizard RAC	Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah WAJIB dihantar secara: 1. Dimuat naik melalui Sistem Tender Wizard RAC ; dan 2. Dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri/ berlakri yang ditulis Tajuk dan No.Tender di penjuru kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat: KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PERBADANAN ASET KERETAPI 27-1, Sentral RAC, No.16 Jalan Tun Sambanthan, Brickfields, 50470, Kuala Lumpur Sebelum atau pada tarikh 13 April 2026 (Isnin) tidak lewat dari pukul 12.00 tengah hari

Petender adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri **Taklimat Tender** dan **Lawatan Tapak** seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 17 Mac 2026 (Selasa) Masa : 11.00 Pagi Tempat : Depoh ETS Kempas Baru Depot, PTS 40050, Jalan Permatang Utama Kempas Baru, 81200 Johor Bahru, Johor	i. Hanya petender yang telah memenuhi syarat pendaftaran yang ditetapkan adalah layak untuk menyertai taklimat dan lawatan tapak; ii. Bagi sesi taklimat dan lawatan tapak, hanya penama yang tercatat dalam sijil MOF yang dibenarkan menghadiri sesi taklimat. Petender tidak boleh menghantar wakil selain penama dalam sijil MOF; dan iii. Sila bawa bersama Sijil MOF (ASAL) dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) beserta satu SALINAN sijil tersebut dan cop syarikat. iv. Sijil akaan pendaftaran syarikat dengan MOF hendaklah masih berkuat kuasa sekurang- kurangnya melebihi tiga (3) bulan dari tarikh tutup tender.
---	---

- Hanya petender yang telah menghadiri taklimat tender dan lawatan tapak serta berdaftar sebagai Pembekal RAC melalui sistem Tender Wizard RAC sahaja yang layak dan boleh memuat turun Dokumen Tender. Pendaftaran sebagai Pembekal RAC boleh dibuat di pautan <https://tenderwizard.my/RAC>. Fi pendaftaran sebagai pembekal adalah RM150.00 untuk 12 bulan. Sebarang pertanyaan berkaitan tender ini hendaklah dihantar melalui e-mel kepada inquiry.perolehan@rac.gov.my
- Sila ambil perhatian bahawa **Fi Perkhidmatan** berjumlah 0.8% akan dikenakan kepada petender yang berjaya berdasarkan kepada harga tawaran, tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM9,600.00 (tidak termasuk cukai perkhidmatan). Justeru itu, cukai perkhidmatan sebanyak 8% akan dicaj ke atas nilai fi perkhidmatan tersebut.